

30 MAR 2000

Mahathir-Umno

DEMOKRASI UMNO BUKAN TIKET UNTUK HANCURKAN PARTI, KATA MAHATHIR

JITRA, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, demokrasi dalam Umno bukanlah tiket untuk membuat apa-apa sahaja sehinggakan parti musnah.

Pengamalan demokrasi bertujuan mendapatkan hasil yang baik dan bukan untuk bawa kehancuran," katanya ketika merasmikan mesyuarat Umno bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra di sini.

Beliau mahu anggota parti supaya berhati-hati mengurus parti kerana yang penting ialah hasil perjuangan Umno untuk membela agama, bangsa dan negara dan bukannya pendekatan demokrasi yang Umno laksanakan.

"Umno berpegang kuat kepada demokrasi tetapi perhatian hendaklah diberikan kepada hasil daripada pendekatan demokrasi itu."

Dr Mahathir berkata, pertukaran Perdana Menteri pasti berlaku tetapi biarlah mengikut tertib.

"Tidak ada yang boleh menongkat langit sampai bila-bila," katanya.

Beliau berkata seperti peribahasa Melayu: "Kalau nak tarik rambut dari tepung, rambut selamat, tepung tidak berkecai".

"Ada orang nak tarik rambut, biar tepung berkecai tidak apa kerana demokrasi, kononnya."

Umno tidak perlu pendekatan demokrasi yang boleh menghancurkan parti, katanya.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan kekalahan Umno pada pilihan raya lepas adalah kerana ramai anggota Umno memikirkan kepentingan diri, dan bukannya kepentingan parti.

Ini kerana mereka semata-matanya kecewa tidak dapat menjadi calon atau orang pilihan mereka tidak menjadi calon.

"Mereka nampak pilihan raya itu sebagai peluang untuk menunjukkan presiden parti salah pilih calon, sebab itu mereka berusaha menggagalkan calon," katanya.

Beliau berkata, golongan itu lupa perjuangan Umno yang sebenarnya untuk membela agama, bangsa dan negara, dan bukannya berjuang untuk seseorang.

Salah satu faktor kurang undi Umno pada pilihan raya lepas bukan kerana rakyat menukar selera dengan menolak Umno dan menerima parti lawan tetapi disebabkan oleh masalah dalaman parti (Umno).

Dr Mahathir juga berkata Umno merupakan parti yang masih relevan kerana berjaya berjuang membela agama, bangsa dan negara.

Beliau berkata Umno terbukti membela agama apabila ia antara lain berusaha mengutamakan perpaduan umat Islam di negara ini.

Negara ini juga terus Merdeka dan bebas daripada penjajahan ekonomi hasil perjuangan Umno.

Bangsa Melayu kini dihormati di seluruh dunia, malah taraf kemajuan bangsa itu sudah bertambah baik, katanya.

"Umno masih relevan dan diperlukan dan tidak ada sesiapa termasuk pengkritik boleh kata mereka tidak dapat apa-apa daripada hasil perjuangan Umno. Para pengkritik juga menikmati kebebasan mengkritik hasil perjuangan Umno," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

JM NMO